

## Penularan "Wabak" Berita Palsu

KETIKA dunia berperang dan berhadapan dengan musuh yang tidak nampak dan begitu bermaharajalela - pandemik COVID-19 yang begitu mengancam dan tidak diketahui asal usul kemunculannya, kita juga berperang dengan satu lagi "wabak" yang berpunca daripada perangai liar segelintir daripada kita. "Wabak" ini ialah berita palsu yang merupakan isu global yang dialami oleh kebanyakan negara di seluruh dunia termasuk Malaysia.

Banyak pihak diberikan tanggungjawab membendung permasalahan ini kerana berita palsu tersebar secara pantas. Agensi seperti CyberSecurity Malaysia (CyberSecurity) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) merupakan antara agensi yang berperanan membendung "wabak" ini mengikut keupayaan dan kemudahan masing-masing.

Bagi berkongsi dengan lebih lanjut, Ketua Pegawai Eksekutif Cybersecurity Malaysia, Datuk Dr. Amirudin Abdul Wahab berkata, dari aspek keselamatan siber, berita palsu ialah sesuatu berita atau maklumat termasuk data, imej, video, serta audio yang tular melalui apa-apa juga platform dalam talian yang berupaya menggugat keselamatan dan kesejahteraan negara dan rakyat secara amnya. Tambah Amirudin, dalam konteks perundangan, definisi berita palsu harus dimaktubkan dalam undang-undang untuk memudahkan pihak yang berwajib membuat

penilaian dalam menguatkuasakan undang-undang tersebut. Selain itu, perkara ini juga membantu mahkamah untuk membuat penilaian yang berkenaan sekiranya terdapat pertikaian kes-kes yang dibawa ke mahkamah.

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang canggih turut memudahkan orang ramai menyebarkan berita palsu kerana cepat dan tersebar secara meluas sehingga menjadi tular dalam kalangan masyarakat. Selain itu, ketaasuban individu yang mahu menjadi "orang pertama" yang menyebarkan sesuatu berita tanpa menyelidik terlebih dahulu juga menyumbang tersebarnya berita palsu ini.

Menurut laporan Edelman Trust Barometer pada tahun 2018, kira-kira 73 peratus rakyat Malaysia bimbang tentang kesan negatif berita palsu, manakala 45 peratus rakyat Malaysia memilih untuk tidak merujuk saluran berita (daripada organisasi media) utama sebagai sumber mendapatkan

informasi sebaliknya bergantung pada laman media sosial. Mereka lebih memilih untuk merujuk sumber yang dikongsi di laman sosial dan hal ini meningkatkan risiko mereka terdedah kepada berita yang tidak benar.

Walau bagaimanapun, menurut Amirudin, disebabkan media sosial tiada kawal selia dan tiada penyesuaian atas sesuatu berita, sebanyak 63 peratus rakyat mengakui tidak dapat membezakan antara khabar angin dengan laporan berita (kewartawanan) yang baik. Beliau berkata, kajian firma penyelidikan IPSOS pula mendedahkan bahawa tujuh daripada 10 orang rakyat Malaysia mengatakan bahawa mereka mendapati organisasi berita dengan sengaja melaporkan sesuatu perkara yang tidak benar. Kira-kira 50 peratus pula menyatakan bahawa mereka mempercayai sesuatu berita sehingga kemudiannya mereka mendapati berita tersebut merupakan berita palsu.

Dalam pada itu, kesan kandungan negatif yang disebarkan menerusi media sosial boleh mempengaruhi pemikiran rakyat serta memberikan persepsi yang berbeza tentang sesuatu perkara, malah boleh memberikan kesan kepada imej serta reputasi sesebuah organisasi dan juga individu. Tambah Amirudin, penularan berita palsu menerusi internet dan media sosial yang berleluasa boleh menimbulkan ancaman serta suasana negatif terhadap keharmonian masyarakat yang pada akhirnya mampu menggugat kestabilan negara.

### Kesan Berita Palsu kepada Masyarakat

Secara umumnya, penularan berita palsu membawa impak negatif kepada kesejahteraan masyarakat dan menggugat pembangunan dalam sesebuah negara. Perbuatan menularkan berita palsu boleh menyentuh sensitiviti, privasi, serta menjejaskan reputasi sesebuah organisasi, individu dan juga negara.

Bahkan, hal yang demikian mampu memberikan kesan kepada demokrasi negara.

Dalam konteks negara kita Malaysia yang berbilang kaum dan agama, sentimen sebegini boleh mencetuskan senario yang tidak sihat terutama apabila berita palsu tersebut melibatkan isu politik, agama dan juga keharmonian kaum. Penyebaran berita palsu turut menjejaskan imej negara dan keyakinan pelabur asing untuk membuat pelaburan di Malaysia.

Oleh itu, setiap individu harus bertanggungjawab terhadap aktiviti yang dilakukan secara dalam talian seperti memuat naik sesuatu maklumat untuk dikongsikan melalui media sosial. Hal ini bagi menghindarkan daripada berlaku perkongsian berita fitnah atau rekaan. Maka itu, kita perlu memberikan maklumat kepada pengguna internet berhubung dengan perkara ini secara berterusan, di samping menyemai dan memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat.

Sebagai contoh, CyberSecurity Malaysia pernah melaksanakan kempen kesedaran mengenai penularan berita palsu, iaitu tanda pagar MyViralVow, manakala SKMM pula memperkenalkan portal SEBENARNYA.MY (<http://sebenarnya.my/>) bagi membolehkan orang ramai menyemak kesahihan sesuatu berita atau maklumat. Dalam pada itu, Facebook mempunyai tanda amaran dengan memaklumkan pengguna mengenai label sesebuah berita dan dikeluarkan dalam bentuk ayat: "This story appears likely to be false. Are you sure you want to share it?". Google pula akan menyemak status berita dan jika berita tersebut palsu, hal yang demikian boleh menyebabkan kedudukan pautan terbabit berada jauh di belakang.

Walau bagaimanapun, menurut Amirudin, kesedaran harus dipupuk dalam kalangan pengguna internet dan mereka perlu mengetahui akibat

Jadual Laporan yang Diterima oleh Cybersecurity Malaysia Mengenai Berita Palsu.

Tempoh	Laporan Palsu	Akaun Palsu
Suku Pertama 2019	-	14
2018	4	78
2017	15	100
2016	5	95
2015	12	94
2014	5	95
JUMLAH	41	476

daripada perbuatan menyebarkan berita palsu. Penularan berita palsu juga boleh mengakibatkan insiden keselamatan siber yang lain seperti penipuan (*fraud*), contohnya e-mel palsu (*bogus*), peras ugut (*blackmail*) dan tipuan (*scam*). Melalui e-mel penipuan ini, pengguna internet yang kurang bernasib baik akan mudah tertipu dan terpedaya dengan penipuan jenayah siber.

CyberSecurity juga tidak terkecuali daripada menerima laporan berkaitan dengan berita palsu menerusi Pusat Bantuan Cyber999. Berita yang sering ditularkan pada kebiasaannya berkaitan dengan hal-hal semasa dan perkara yang menarik perhatian.

Sebagai contohnya, laporan yang pernah diterima oleh CyberSecurity Malaysia berkaitan dengan serangan siber perisian tebusan (*ransomware*) WannaCry telah dilaporkan oleh pihak media. WannaCry merupakan program perisian tebusan yang menyasarkan Microsoft Windows. Penularan berita palsu tersebut telah menggunakan idea perisian tebusan WannaCry dan dicampuradukkan dengan maklumat yang palsu. Berita palsu itu menyatakan bahawa orang ramai tidak boleh menjalankan transaksi secara dalam talian disebabkan oleh serangan siber tersebut.

### Keperluan kepada Akta Khas

Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCO) berpendapat bahawa pencetus dan penyebar berita palsu akan sentiasa ada sekiranya pihak berkuasa tidak mewujudkan penyelesaian yang kukuh termasuk aspek mengesan pembuat berita dalam ruangan siber yang boleh bersifat anonim. Oleh itu, kata Presidennya, Siraj Jalil, sekiranya kerajaan hanya mengharapkan kesedaran orang ramai sahaja, isu tersebut tidak akan selesai. Hal ini dikatakan demikian kerana Akta Kepenggunaan Siber tidak wujud di negara ini, sebaliknya dipisah-pisahkan kepada pelbagai kementerian.

Antara akta tersebut termasuklah Akta Anti Berita Tidak benar, Akta Hasutan, Akta Komunikasi dan Multimedia, Akta Jual Beli Dalam Talian dan banyak lagi yang kini berasaskan ruangan siber. Tidak ada satu akta yang menyatukan kesemuanya di bawah satu badan khas yang boleh mengawal selia dan sentiasa dikemas kini selaras dengan perubahan semasa siber.

Secara mudahnya, perlu ada satu akta berkenaan dengan kepenggunaan siber untuk mengawal masalah yang tersebut. Perkara ini ibarat atau menyerupai Akta Pengangkutan Jalan 1987, apabila semua masalah jalan raya merujuk akta tersebut dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).